

R GB 12-07 00138 BA372

Bah

Mahathir - Hijrah

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan kepada umat Islam di negara ini supaya mengukuhkan lagi tali silaturahim di kalangan merska sempsna sambutan Maal Hijrah 1412 esok.

Beliau berkata Islam menggalakkan persaudaraan dan hermuafakst kerana kedua-duanya mempunyai banyak hikmah.

+Masyarakat Islam yang kuat muafakatnya dan bersatu padu akan lebih kukuh di samping lebih mudah berjaya dan mampu menghadapi cabaran,+ katanya dalam perutusan khas sempena sambutan tahun bar-u hijrah itu.

Perdana Menteri juga mengajak umat Islam supaya meninggalkan segala perkara yang mungkar dan memperbanyakkan kebajikan agar merska sentiasa dilindungi dan mendapat rahmat daripada Allah.

Katanya, mereka perlu mengambil iktibar daripada sejarah Islam yang banyak mencatatkan pengorbanan Nahi Muhammad dan sahabat-sahabatnya dalam mengembangkan syiar Islam. -- Lagi.

♥12/07/15-06MST

R GB 12-07 00105 BA373

Bah

Mahathir - Hijrah 2 Kuala Lumpur

+Contoh-contoh kejayaan umat Islam banyak terdapat dalam sejarah. Umat Islam pada hari ini juga boleh memiliki kejayaan dan menjadi umat yang disegani serta bermaruah tinggi jika kita berusaha, berdisiplin dan yakin kepada diri sendiri.

+Apabila kita sudah berjaya, kejayaan yang dimiliki itu dengan sendirinya akan merupakan satu cara dakwah yang berkesan,+ katanya.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Rainun akan berangkat menghadiri satu perhimpunan smpena sambutan itu di Stadium Negara esok.

Perdana Menteri dan isteri juga dijangka hadir. -- Rernama.

♥12/07/15-06MST